



**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH IKLAN
JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan **keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut:-

Jawatan	:	Penolong Jurutera Gred JA5
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kejuruteraan Awam
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Taraf Jawatan	:	Kontrak/ Tetap
Bilangan Kekosongan	:	1
Jadual Gaji	:	Minimum – Maksimum :
		RM1,650.00 - RM 6,620.00

Elaun :

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	:	RM 200.00
(Pergerakan Gaji Tahunan RM145.00)		

1. SYARAT LANTIKAN

1.1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5:RM1,731.00); atau
- (ii) Diploma kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

4. DESKRIPSITUGAS:

- i) Membantu melaksanakan Proses Permohonan Pelan-Pelan Kejuruteraan (Kerja Tanah, Jalan dan Parit Serta Lampu Jalan) dan Pelan Struktur (Menara Telekomunikasi Dan Papan Tanda) dalam tempoh piagam yang ditetapkan untuk sokongan G17 / CCC Bagi kepatuhan berdasarkan Akta 133 Jalan Parit dan Bangunan serta garis panduan yang berkaitan.
- ii) Membantu melaksanakan Penguatkuasaan Berdasarkan Akta 133 Jalan Dan Parit Dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 serta garis panduan yang berkaitan bagi memastikan kehendak akta dan undang-undang dipatuhi

5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

6. CARA MEMOHON :

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di digital.perak.my/perjawatan/
- ii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing berdasarkan Perintah Am Bab 'A' 21.

7. CATATAN AM :-

- i. Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh pihak Majlis Daerah Batu Gajah.

Tarikh tutup permohonan : 24 APRIL 2026 (JUMAAT)

